

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Rabiulakhir / Jamadilawwal 1440 — Januari 2019

BIL: 09 / 2019



Concept Of Halal Food In Islam

Puisi
Sukarelawan

Pelajar dan
Penghayatan Semangat
Sukarelawan

Ayuh
Waspada !!!

i-Talk: Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pemangkin
Kecemerlangan Akhlak Muslim

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Nuruul Hidayah Mansur
Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil
Shahril Anuar Abdul Ghalim
Nurul Nisha Mohd Shah
Nur Sofiah Binti Suhaimi

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keempatbelas atau siri kesembilan yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah “*Concept Of Halal Food In Islam*”. Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Concept Of Halal Food In Islam (3)
- ⇒ Puisi Sukarelawan (7)
- ⇒ i-Talk: Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pemangkin Kecemerlangan Akhlak Muslim (8)
- ⇒ Pelajar Dan Penghayatan Semangat Sukarelawan (10)
- ⇒ Ayuh Waspada !!! (13)

HAKCIPTA TERPELIHARA

Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali

Concept of Halal Food In Islam

Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor

(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Why Halal Important ?

- Halal products are become the new benchmark for safety, hygiene and quality assurance for Muslims and non Muslims.
- The concept of halal goes beyond the consumption.
- It is no longer purely religious issue but encompasses business and trade.
- By understanding what constitutes halal, the consumers become religious or halal-conscious.
- The manufacturers can adopt halal regulations and halal quality standards in producing halal products and services.

Meaning Of

Literal:

The word Halal is an Arabic term, which derives from the verb Halla - to be or become lawful, legal, licit, legitimate, permissible, permitted, allowable, allowed, admissible, un-prohibited, un-forbidden.

Technical:

The meaning of halal can be derived from an analogy of knotted rope.

وَأَحَلْ عُقْدَةً مِنْ لِسَانِي ٢٧

(Surah Taha : 27).

A knotted rope tied to something is unusable unless it is untied. In the other words, a knotted rope tied to something cannot be used as long as it is still in a knot. So, the concept of halal can derive from this analogy something which is prohibited by Allah SWT. It is the opposite of halal. Whoever Muslims committed with haram will be regarded as sinful and punished either in the world of hereafter



According to JAKIM

"Halal originates from an Arabic phrase that means allowed or permitted by Islamic Law"

When the term is used in relation to food in any form whatsoever, in the process of trade or commerce as an aspect of trading or part of an aspect of trading for the referred food, the terms 'Halal', 'Guaranteed Halal' or 'Muslim Food' or any other terms that may be used to indicate or may be understood as meaning to indicate as permissible to be consumed by Muslims and allowed in their religion for the referred food to be consumed, must therefore mean the following, that is, the food for which such terms are being used:

- Does not stem from or consists of any part of or item from animals that are forbidden to Muslims by Islamic law, or animals that have not been slaughtered according to Islamic law.
- Does not contain any substance that is considered impure in Islamic law.
- Is not prepared, processed or manufactured using equipment or utensils that are not free from impurities as defined by Islamic law
- That, in the preparation, processing or storage stage, does not come in contact with or is stored near any kind of food that does not meet the requirements of para(s) (a), (b) or (c) or any substances that are considered impure by Islamic law.

Concept of Halal

Halal food usually refers to food that is allowed to be consumed by Muslims, as outlined in the Islamic law. In perspective, every aspect of a Muslim's life including his dietary requirements is regulated by the Islamic law, which is based on the Quran, Hadith, Ijma and Qiyas'. Basically, the basic principle of a Muslim diet is the food should be halal (permissible) and Tayyiban (wholesome) as clearly stated in the Quran,

يَا إِيَّاهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُواتِ
الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ١٦٨

Meaning: O men! eat the lawful and good things out of what is in the earth, and do not follow the footsteps of the Syaitan; surely he is your open enemy.

حلال طيبا

Halalan Thoyyiban: merely means allowed and permissible for consumption with relation to Shariah law as long as they are safe and not harmful.

On the other hand is defined as “assurance and guarantee that both aspects of halalan and thoyyiban are integrated into holistic and balanced requirements that fulfil the condition, situation and application needs”.

Halal Food according to MS1500:2009

- Does not contain any Najs according to Shariah Law
- Does not contain any parts or products or parts of animals which are not slaughtered according to Shariah Law.
- Safe for consumption, non poisonous, non- intoxicating or non-hazardous to health.
- Not prepared, processed or manufactured using equipment contaminated with Najs according to Shariah Law
- Does not contain any human parts or its derivatives that are not permitted by Shariah Law
- During preparation, processing, handling, packaging, storage and distribution, the food must meet the requirements stated in items above.

References

1. Yusuf al-Qaradawi. 2013. The lawful and the prohibited in Islam. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
2. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. e-Halal in e-JAKIM. <http://www.islam.gov.my/>
3. Department of Standards Malaysia. 2009. Malaysian Standard (MS 1500:2009). Selangor: SIRIM Berhad or Department of Standards Malaysia.
4. Halal Malaysia Official Portal. <http://www.halal.gov.my>

Puisi Sukarelawan

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghafim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)

Ketika diperlukan, kau hadir bergegas
Tanpa penat menghela nafas
Setiap yang diberi tanpa dibalas
Menginsafi diri tanggungjawab digalas

Keikhlasan hati iltizam digenggam
Titisan keringat mengalir tenggelam
Dipalu semangat agar tak terpendam
Bukan nama dicari terpadam

Detik dikongsi bersama senang
Kelebihan dimiliki bukan seorang
Seandainya pengorbanan tidak kenang
Takkan berganjak keazaman yang dipegang

Manfaat diperoleh membaiki diri
Pengalaman tersemat kekal dihati
Kesinambungan khidmat sentiasa dicari
Agar matlamat sukarelawan disantuni



I-TALK: Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pemangkin Kecemerlangan Akhlak Muslim

Oleh : Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil


(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



Pada 17 November 2018, ACIS Kampus Kuala Pilah telah mengadakan "Program i-Talk" yang merupakan program akademik yang julung kali diadakan khusus untuk pelajar di bawah program baru ACIS iaitu program Diploma Pengurusan Halal (IC120). Program ini merupakan satu inisiatif untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui pendekatan kuliah pengukuhan atau ceramah bagi dua kod kursus teras fakulti yang wajib diambil oleh pelajar di semester 1 pengajian iaitu kod

kursus ISC100 Aqidah Islamiyyah dan ISC101 Akhlaq Islamiyyah. Tema yang dipilih bagi program i-Talk ini adalah "AKIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH PEMANGKIN KECEMERLANGAN AKHLAK ISLAM" yang mana ia telah dilaksanakan dalam 2 sesi dengan topik 1 berkaitan dengan akidah Islam manakala topik ke-2 pula berkisar mengenai akhlak Islam.

Objektif khusus program ini diadakan adalah untuk memberi ilmu pengetahuan kepada para pelajar berkaitan akidah dan akhlak Islam yang menjadi topik utama dalam silibus pengajian di samping itu, pelajar dapat menguasai, mendalamai dan menilai ilmu yang diperolehi melalui penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang akidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan akhlak Islam. Seterusnya, memberi pengalaman kepada pelajar untuk meneroka ilmu dan maklumat dalam membudayakan pembelajaran sepanjang hayat bagi melahirkan modal insan yang berilmu dan berkemahiran tinggi. Malah pro-





gram ini turut bertujuan menerapkan nilai pembudayaan ilmu dan tanggungjawab sebagai seorang muslim untuk berpegang dengan akidah yang sahih serta memenuhi tuntutan akhlak Islam.

Bagi merealisasikan objektif tersebut, penceramah jemputan yang telah diundang untuk mengadakan perkongsian ilmu adalah Al-Habib Sheikh Dr. Omar Muhammad Kalash. Beliau merupakan seorang tokoh ilmuan yang memiliki Ijazah Ilmu dan banyak sanad dari 'ulama-'ulama hebat dalam bidang ilmu hadith, Fiqh, Qiraat, Tasawuf dan lain-lain bidang ilmu Islam disamping memiliki kelayakan profesional lain serta tauliah dari JAWI dan JHEAINS. Antara perkara yang telah dibahas oleh beliau adalah asas akidah AWSJ merangkumi rukun Iman dan Islam, beberapa fahaman yang menyeleweng dari

ASWJ, perkara yang membatalkan akidah, keperibadian Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dan contoh akhlak Baginda yang boleh diikuti oleh seseorang Muslim.

Seramai 122 orang pelajar, 6 orang pensyarah ACIS dan 2 orang staf unit HEI telah menghadiri program ini yang bermula dari jam 8 pagi hingga 1 tengahari di Dewan Kuliah 200, Kampus Kuala Pilah. Alhamdulillah program ini telah berjalan dengan jayanya dan diharapkan program seperti ini

dapat diteruskan pada masa akan datang bagi memantapkan akidah dan akhlak Islam dalam kalangan pelajar UiTM dan menzahirkan rasa tanggungjawab pelajar dalam menuntut ilmu yang menjadi kewajipan fardua'ain kepada seseorang muslim.

ACIS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada BHEA Kampus Kuala Pilah khususnya Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Prof. Madya Dr Abdul Halim bin Ramli atas kelulusan program ini dan peruntukan yang diberikan melalui Tabung Program Pembangunan Pelajar-Akademik (TAPA) serta kesudian merasmikan majlis penutup program pada 21 November 2018.



Pelajar Dan Penghayatan Semangat Sukarelawan

Oleh : Shahril Anuar Abdul Ghalim & Nurul Nisha Mohd Shah

(Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media Kampus Rembau)



Apabila kita memperkatakan tentang aktiviti-aktiviti kesukarelawan, ramai yang akan mempunyai tanggapan umum yang sama iaitu sebarang aktiviti yang dijalankan atas semangat sukarela dan berbentuk kebajikan. Antara yang mudah dijadikan contoh ialah aktiviti bergotong royong membersihkan suatu kawasan, bantuan kemanusiaan kepada mangsa bencana alam, sokongan tenaga kepada sesuatu acara besar untuk direalisasikan dan pelbagai lagi program yang dianjurkan bersesuaian dengan konsep sukarela.

Di Malaysia umumnya kita sememangnya sinonim dengan konsep sukarelawan ini. Banyak program yang disusun sejajar dengan matlamat untuk menjadikan aktiviti sukarelawan sebagai

suatu budaya yang positif dalam kalangan warga masyarakat. Penglibatan yang menyeluruh melibatkan semua pihak dan peringkat masyarakat dalam aktiviti sukarelawan sangat digalakkan serta terbukti keberkesanannya. Bukan mudah untuk menanam semangat sukarelawan dalam kalangan warga agar menjadi suatu budaya kerana ia menuntut pengorbanan dan komitmen yang tinggi terutamanya dari segi masa, tenaga, buah fikiran, kemahiran malah mungkin turut melibatkan kewangan. Ini adalah antara cabaran kelangsungan semangat sukarelawan untuk menjadikannya sebagai suatu penghayatan, amalan, budaya malah tradisi dikalangan warga yang harus kita semai demi membina masyarakat yang sejahtera.

Konsep sukarelawan ini juga amat dituntut oleh Islam. Sebagaimana firman Allah dalam surah Al-Imran, ayat 114;

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَاونَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ
وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya: *Mereka beriman kepada Al-lah dan hari penghabisan, mereka menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah yang mungkar dan bersegera kepada (mengerjakan) pelbagai kebaikan, mereka itu termasuk orang yang soleh.*

Konsep sukarelawan ini juga seiring dengan konsep fastabiqul khairat, iaitu berlumba-lumba berbuat kebaikan. Allah amat menyukai mereka yang sentiasa memelihara hubungan rapat dengan Allah S.W.T (hablu min Allah) namun pada masa yang sama menghargai dan memelihara hubungan sesama manusia (hablu min 'an nas).

Dan sudah tentu apabila kita cuba fokuskan mengenai semangat sukarelawan ini, kita harus menjuruskannya kepada golongan pelajar sebagai penggerak bagi sesuatu aktiviti sukarelawan. Golongan pelajar seharusnya melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan samada ianya berlandaskan keperluan sesuatu kursus tertentu mahupun bersandarkan aktiviti kelab/persatuan yang bernaung di bawah sesebuah Institusi pendidikan. Kewajaran pembabitan pelajar boleh kita hujahkan tentang kebaikan dan faktor nilai tambah yang bakal dimiliki.

Pembabitan pelajar sebenarnya sangat wajar demi melahirkan produk



graduan yang lengkap dan seimbang. Pengalaman yang diperolehi sebenarnya banyak membantu pelajar ketika pengajian berlangsung mahupun selepas tamat pengajian. Antaranya sebagai contoh ialah bagaimana mendepani orang ramai yang memerlukan bantuan. Ini kerana kebanyakkhan program sukarelawan akan mempunyai golongan sasarnya tersendiri. Contohnya misi kemanusiaan bantuan banjir. Pelajar harus bersedia mendepani cabaran ini kerana mereka berhadapan dengan mangsa banjir yang sedang dalam kesusahan, tekanan dan sebagainya. Pelajar harus peka dengan keadaan sekeliling dan cepat menyesuaikan diri untuk memulakan langkah sukarelawan. Pelajar juga harus bijak dalam berkomunikasi dengan cara yang sesuai dengan golongan sasar. Dengan ini pelajar dapat mengasah kemahiran berkomunikasi mereka malah lebih yakin kerana mereka berhadapan dengan masyarakat pelbagai lapisan peringkat umur, pendidikan dan kawasan. Teknik komunikasi yang dipelajari dapat diperaktikkan dengan situasi sebenar yang pelbagai.

Bukan itu sahaja, pelajar juga dapat mendalami dan memahami erti keikhlasan dalam menghulurkan

bantuan, pengorbanan yang harus diberikan tanpa sebarang imbuhan dan komitmen yang tinggi ketika khidmat disalurkan. Pengalaman ini akan membuat pelajar lebih memahami keadaan diluar institusi pengajian mereka, kemahiran insaniah yang tidak mungkin diperolehi ketika kelas berlangsung dan menghayati keperitan serta kepayahan anggota masyarakat dalam melaksanakan sesuatu, memungkinkan mereka sedar tentang nikmat yang diberikan oleh Allah S.W.T ini harus dikongsi bersama sebagai sebuah ummah. Penghayatan inilah cuba dipupuk bagi melahirkan generasi yang prihatin dan penuh dengan semangat kekitaan.

Firman Allah Subhanahuwata'ala:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ

وَالْعَدْوَانِ

Maksudnya: *Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.*

(Surah Al-Maidah : 2)

Sebagai kesimpulan, semangat sukarelawan sememangnya perlu dipupuk sejak dari awal lagi supaya pemahaman konsep sukarelawan ini dapat difahami dengan betul. Penghayatan mengenai semangat sukarelawan ini amat perlu supaya ianya tidak disalah tafsirkan. Kegagalan menghayati konsep ini memungkinkan matlamatnya tidak tercapai. Program yang dijalankan atas nama sukarelawan bukanlah hanya sekadar untuk memenuhi kalender aktiviti sahaja tetapi ianya menuntut pengisian yang lebih dari itu. Jangan jadikan sesuatu aktiviti itu sebagai platform meraih publisiti atau populariti mahupun saluran untuk berseronok kerana masa yang diperuntukkan harus dimanfaatkan sewajarnya.



Ayuh Waspada !!!

Oleh : Nur Sofiah Binti Suhaimi
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



Kita merupakan kelompok manusia yang hidup di dunia fitnah akhir zaman. Menurut pemerhatian penulis secara peribadi, masyarakat muslim khususnya di Malaysia sedang berada di antara dua sisi dimensi muslim. Kelompok pertama merupakan golongan yang dahagakan ilmu agama dan sentiasa ingin menjadi penyumbang kepada agama Islam.

Tidaklah keterlaluan andai dikatakan ini mungkin diantara mutiara peninggalan kesungguhan para ulama' terdahulu dalam menyebarkan dakwah Islam di seluruh nusantara sehingga masyarakat Melayu yang dahulunya amat terkesan dengan pengaruh Hindu-Budhha kini menjadikan agama Islam sebagai ciri jati diri kemelayuan. Hal ini turut diperkuuh dengan perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan dimana

bangsa 'Melayu' ditentukan menerusi agama anutannya 'Islam' tanpa memperincikan elemen 'ras' dalam penentuan bangsa tersebut. Maka tidak hairanlah apabila budaya Melayu amat sinonim dengan Islam, malah mungkin terkadang ia disalah fahami sebagai budaya Melayu semata walhal Islam merupakan hakikat sandarannya. Contohnya budaya masyarakat Melayu menjilat jari selepas makan didasari oleh Hadith berikut:

Sabda Rasulullah SAW:

Maksudnya: "Apabila salah seorang daripada kamu makan maka jilatlah jari-jarinya kerana sesungguhnya dia tidak tahu di manakah tempat yang mempunyai keberkatan"

(Riwayat Muslim (2035))

Keberadaan golongan yang cintakan ilmu agama ini mampu dilihat menerusi kepimpinan wilayah-wilayah yang menekankan budaya Islam seperti timana negeri-negeri di Pantai Timur khususnya tanpa menafikan negeri selainnya. Selain itu, hal ini juga boleh dilihat menerusi evolusi pendidikan Islam dimana ia bermula dengan pendidikan al-Quran yang tidak formal di rumah –rumah ustaz, surau dan masjid, diikuti dengan pembelajaran agama menerusi ceramah yang bertema ‘bebas’ dan kini dengan pendidikan yang lebih tersusun iaitu berguru dan berkitab (talaqi kitab Turath). Penubuhan kelas pengajian ini ibarat cendawan tumbuh selepas hujan yang tidak hanya menjadi rencana harian warga pesara tetapi kini ia turut dihadiri oleh segenap lapisan masyarakat. Justeru, hal ini jelas menunjukkan terdapat golongan yang inginkan agama dalam hidupnya dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan ilmu agamanya dari semasa ke semasa.

Manakala golongan kedua pula merupakan kelompok yang lebih selesa apabila hidupnya tidak sepenuhnya dihubungkan dengan agamanya. Namun begitu, ia bukanlah bermaksud mereka berusaha untuk memisahkan agama dengan hidup, sebaliknya kelalaian mereka dalam memenuhi tuntutan agama menyebab mereka tidak mampu untuk merasakan wujudnya hubungan jiwanya dengan tuhan. Mereka memperakui konsep hidup bertuhan, namun dalam masa yang sama gagal memahami implikasinya dalam konteks praktikal kehidupan. Kesannya, mereka kurang menyedari keperluan berdoa dan

bertawakkal, sebaliknya hanya bergantung sepenuhnya kepada usaha diri dalam segala urusan kehidupannya. Manakala, peranan al-Quran sebagai sumber rujukan dan ketenangan diri pula digantikan dengan kepelbagai bentuk hiburan bagi menghilangkan keresahan dan kesunyian di jiwanya. Ketahuilah hiburan hanya membuatkan diri ‘melupakan’ kegundahan di dada, namun tidaklah ia mampu untuk ‘menghilangkannya’, lantas keresahan akan hadir kembali tatkala hiburan dihenti.

Justeru, tujuan penulisan ini adalah untuk bersama kita renungi kehidupan yang kita lalui. Kehidupan yang sentiasa berpotensi untuk terjerat dalam tipu daya iblis dan hawa nafsu diri. Talbis Iblis merupakan sebuah kitab dikarang oleh Ibnu Jauzi yang membahaskan mengenai kelicikan iblis dalam membuat tipu daya bagi menyesatkan manusia. Kitab ini memperingatkan bahawa perangkap iblis bukanlah semuanya hadir dalam bentuk maksiat dan kemungkaran, sebaliknya ia turut mampu memperdaya manusia tatkala diri melaksanakan ibadah dan amal soleh. Oleh yang demikian, kitab ini telah dikarang khusus dalam membahaskan bentuk tipu daya iblis terhadap ulama’, penguasa, ahli ibadah, zahid (orang zuhud), ahli sufi serta kita yakni orang awam. Pembacaan kitab ini adalah amat disarankan, malah untuk makluman pembaca, kitab ia turut dikupaskan oleh ramai ustaz menerusi pengajian berkitab di masjid dan di saluran youtube.

Penulisan ini seterusnya ingin bersama memberi peringatan buat diri dan para pembaca untuk bersama bermuhasabah bagi menyelamatkan diri daripada terperangkap dalam tipu daya iblis. Nasihat ini khusus buat dua golongan yang telah dibincangkan sebelum ini.

NASIHAT BUAT PENCINTA ILMU DAN AGAMA

KETAHUILAH IBLIS TIDAK PERNAH LALAI DALAM MENYESATKAN ANAK ADAM

Jangan merasakan cukup hanya dengan pelaksanaan yang FARDHU tanpa disisipkan dengan yang SUNAT

Jangan hanya berguru kepada SEORANG ustaz kerana khuatir kelak menyebabkan diri taksub dan tertutup.

Jangan terlalu leka menegakkan pandanganmu dalam permasalahan khilaf kerna khuatir kelak menggadai ukhuwah silaturrahim

Ilmu sebagai penguat keyakinan & pemimpin amal, BUKAN alat perdebatan & pertikaian

Jangan pula terlalu menekankan yang SUNAT hingga yang FARDHU ditinggalkan

BERSABAR dalam memahami hukum dan menuntut ilmu

[ILMU + HAWA NAFSU = IDEOLOGI BARU]

Sentiasa memelihara diri untuk BERADAB dalam berguru dan menuntut ilmu

KETAHUILAH, MANUSIA ITU TIDAK SEMPURNA DAN ILMU ALLAH AMATLAH LUAS

NASIHAT BUAT YANG INGINKAN KEBAHAGIAAN

Bukankah dengan **mengingati Allah** hati akan menjadi tenang?

[Surah Ar-Ra'd: 28]

Jika yang **FARDHU** masih belum sempurna, **Maka Sempurnakanlah.**

.Andai berasa **RAGU**,
Bertanyalah kepada
yang lebih Arif

Jika yang **HARAM**
masih dilakukan,
Maka Tinggalkanlah

Andai tidak mengetahui/telah
lama tidak membaca al-
Quran, **Maka Mulakanlah**

Walau lahir & membesar
dalam Islam, **Teruslah**
belajar memahami Islam
boleh jadi ilmu kita masih
terlalu sedikit

Walau telah **KHATAM al-
QURAN**, Mintalah bacaan
anda disemak oleh yang
lebih Mahir

**KETAHUILAH APABILA PUNYA RASA BERSALAH TATAKALA
MENINGGALKAN YANG WAJIB & MELAKUKAN YANG HARAM,
ENGKAU MASIH PUNYA IMAN. KEMBALILAH KEPADA NYA
KERANA KITA PUNYA TUHAN YANG MAHA PENGAMPUN
LAGI MAHA PENYANYANG**